

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 4 (64)

4 Oktober 2017
14 Muharram 1439

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 31/2017

PENUBUHAN PUSAT INOVASI MAHASISWA DAN KEUSAHAWANAN TEKNOLOGI UTM /CENTRE FOR STUDENT INNOVATION AND TECHNOLOGY ENTREPRENEURSHIP (UTM XCITE)

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti telah meluluskan cadangan bagi penggabungan dan penstrukturan semula Pusat Keusahawanan Teknologi UTM (UTMTEC) dengan Pusat Inovasi Mahasiswa (CSI) kepada Pusat Inovasi Mahasiswa dan Keusahawanan Teknologi UTM / *UTM Centre For Student Innovation & Technology Entrepreneurship* (UTM XCITE). UTM XCITE beroperasi di bawah pengurusan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).


2. Tujuan unit ini ditubuhkan adalah untuk memberi penasihat dalam penetapan hala tuju keusahawanan berpandukan kepada agenda nasional. Selain itu, unit ini juga berperanan mengukuhkan jaringan antara Universiti dengan agensi/ NGO/ alumni/ pemegang-taruh bagi aktiviti inovasi dan keusahawanan serta mengenal pasti dan menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi pemberi dana, pemegang-taruh UTM dan Alumni untuk memasarkan produk serta menjalankan aktiviti keusahawanan.

3. Sehubungan dengan itu, semua staf adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai penubuhan Pusat Inovasi Mahasiswa dan Keusahawanan Teknologi UTM / *UTM Centre For Student Innovation & Technology Entrepreneurship* (UTM XCITE) dan segala urusan berkaitan hendaklah dimajukan kepada unit ini berkuat kuasa dari tarikh pekeliling dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah